Nama :

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Rujukan Buku Teks
Unit 1: m.s. 6

Sahabat Baik

sangkar	datuk	rumah	pakaian
kampung	kereta	arnab	bunga

Aiman, Ganesh, dan Sai Fong tinggal di kawasan perumahan yang sama.

(1) _____ mereka terletak bersebelahan.

Keluarga Sai Fong akan pulang ke **(2)** _____ untuk menyambut Tahun Baharu Cina. Bapa Sai Fong berpesan kepada keluarga Aiman dan keluarga Ganesh supaya menjaga rumah mereka sepanjang mereka pulang ke kampung. Ibu Sai Fong pula meminta ibu Aiman dan ibu Ganesh supaya menyiram pokok **(3)** _____ di halaman rumahnya.

Ganesh dan Aiman membantu Sai Fong memasukkan beg-beg **(4)** _____ ke dalam but **(5)** _____. Keluarga Aiman dan keluarga Ganesh berpesan kepada keluarga Sai Fong agar mereka berhati-hati semasa memandu pulang ke kampung.

Aiman dan Ganesh bersalaman dengan Sai Fong. Mereka juga berpesan kepada Sai Fong supaya menjaga diri ketika berada di rumah **(6)** _____ dan neneknya itu. Sai Fong meminta Aiman dan Ganesh menjaga **(7)** _____ peliharaannya di dalam **(8)** _____.

KAMUS MINI

bersebelahan: 毗邻的
berpesan: 吩咐
menjaga diri: 保重

LIVEWORKSHEETS